



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 6 TAHUN 2014**

**KEPERLUAN MELAPORKAN KEMALANGAN UNTUK PENGENDALI
BERLESEN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS BAS DAN
PEMEGANG LESEN KENDERAAN PELANCONGAN KELAS BAS**

TARIKH: 09 Jun 2014

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa semua pengendali berlesen kenderaan perkhidmatan awam kelas bas dan pemegang lesen kenderaan pelancongan kelas bas (“Pengendali Bas”) perlu melaporkan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (“S.P.A.D.”) sekiranya kenderaan perkhidmatan awam kelas bas atau kenderaan pelancongan kelas bas (“kenderaan”) mereka terlibat dalam kemalangan.

2. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

- 2.1** Sekiranya kenderaan Pengendali Bas terlibat dengan sebarang kemalangan, Pengendali Bas diwajibkan untuk melaporkan kepada S.P.A.D. maklumat kejadian di talian Aduan SPAD (1-800-88-7723) dalam tempoh masa 2 jam.
- 2.2** Pengendali Bas hendaklah menyatakan kepada S.P.A.D. nama Pengendali Bas, nama pemandu, nombor kad pengenalan pemandu, nombor pendaftaran kenderaan, laluan, tarikh, masa dan lokasi kejadian semasa membuat laporan.
- 2.3** Keperluan melaporkan kemalangan seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 2.1 dan 2.2 Pekeliling ini dijadikan syarat am lesen Pengendali Bas.

2.4 Seksyen 22(3) dan Seksyen 41(3) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 menyatakan bahawa sekiranya pengendali berlesen bas dan pemegang lesen bas persiaran gagal mematuhi syarat yang dikenakan pada lesen pengendali ataupun lesen bas persiaran masing-masing, apabila disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

3. TARIKH KUATKUASA

Arahan-arahan dan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 30 Jun 2014.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat